

Laluan ke Amber Court terputus

Tanah runtuh tidak melibatkan jalan utama ke Genting Highlands

NIK AMIRULMU'MIN
NIK MIN


BENTONG

Laluan utama ke sebuah pusat peranginan di Bentong di sini dilaporkan terputus akibat tanah runtuh petang kelmarin.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Penolong Pesuruhjaya (PA) Zainal Yusof berkata, runtuhan dipercayai berlaku kerana hujan lebat di kawasan tersebut.

"Kejadian tanah runtuh itu hanya melibatkan jalan utama ke pusat peranginan berkenaan. Jalan utama untuk naik ke Genting Highlands tidak terjejas," katanya.

Sementara itu Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Norhisam Mohammad berkata,



Tanah runtuh berlaku ketika hujan lebat petang kelmarin.

FOTO: HSNY BOMBA



Lokasi tanah runtuh berlaku.

Jalan terlibat runtuhan: Jalan Genting - Amber Court

TANAH RUNTUH DI BENTONG

pihaknya menerima laporan berhubung kejadian jam 5.40 petang sebelum 10 anggota bersama sebuah jentera, kenderaan EMRS dan kenderaan pacuan empat roda ke lokasi.

Menurutnya, ketika tiba di lokasi mendapati kejadian tanah runtuh itu mengakibatkan laluan terputus di kedua-dua hala.

"Situasi pembersihan laluan dan membuat lencongan sedang dijalankan bagi membolehkan kende-

raan keluar masuk dan mengelak pengguna terkandas," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Genting Highlands, Penolong Kanan Penguasa Bomba Yusry Abdullah Sani berkata, keadaan di lokasi adalah terkawal, namun masih berlaku pergerakan tanah di kawasan runtuhan yang kini dalam pemantauan pihaknya.

"Setakat ini cuaca baik jadi kerja-kerja pembersihan yang dijalankan pihak

kontraktor dengan paman-atau Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pejabat daerah berjalan lancar.

Yusri berkata, buat sementara waktu, sebuah jalan alternatif dibuka untuk pejalan kaki bagi membantu pengunjung pangsapuri dan sebuah hotel berhampiran keluar masuk.

"Setakat ini, mereka terpaksa jalan kaki ekoran keadaan laluan yang masih belum selamat untuk dibuka kepada kenderaan," katanya.



Pengunjung pusat peranginan tanah tinggi terkenal itu terpaksa berjalan kaki melintasi kawasan kejadian tanah runtuh di Jalan Genting-Amber Court ketika tinjauan media semalam.